



**SCHOOL OF LIBERAL ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**  
 Semester & Year : May - August 2016  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
     **PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**  
     **PART B (70 marks) : SUBJECTIVE QUESTIONS. Answer all questions. Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sudah pukul 10.00 pagi. Airin tidak datang ke kolej lagi. Kelas bahasa Melayu akan bermula. Michael terus menelefon Airin.

- Michael : Selamat pagi, Airin. Kenapa kamu tidak datang ke kelas?  
Airin : Selamat pagi. Saya tidak sihat. Saya demam panas dan batuk.  
Michael : Oh, adakah awak sudah pergi ke klinik?  
Airin : Belum. Saya tunggu ibu saya pulang pukul satu nanti. Ibu saya akan bawa saya ke klinik.  
Michael : Kalau begitu, baiklah. Awak tinggal di rumah dengan siapa?  
Airin : Seorang sahaja.  
Michael : Seorang? Saya sangat risau. Awak mahu saya pergi ke rumah awak?  
Airin : Eh, tidak perlu. Jiran saya ada datang melihat saya. Awak pergilah ke kelas.  
Michael : Oh, baguslah. Kalau ada apa-apa beritahu saya. Nanti bawakan surat doktor untuk diberikan kepada Cikgu Azizah. Nota nanti ambil dengan saya.  
Airin : Wah, awak begitu baik hati! Terima kasih. Sila beritahu Cikgu Azizah.  
Michael : Baiklah. Awak makan ubat dan jaga diri.

1. Siapakah yang mengajar subjek bahasa Melayu? **( 1 markah)**
2. Kenapa Airin tidak datang ke kolej? **( 1 markah)**
3. Apakah **EMPAT (4)** pesanan yang disampaikan oleh Michael kepada Airin? **(4 markah)**
4. Nyatakan **DUA (2)** sikap Michael yang patut kita contohi. **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Sivaraju ialah pelajar Universiti Malaya. Dia dilahirkan pada 12 Julai 1994. Dia tinggal di Petaling Jaya. Pada pukul 8.00 pagi, Sivaraju akan menunggang motosikal untuk pergi ke kelas. Dia akan pulang pada pukul 4.00 petang. Jika tidak ada kelas, Sivaraju akan membaca buku di perpustakaan Universiti Malaya. Sivaraju ada ramai kawan. Kawan-kawannya juga suka membaca buku. Kos minyak motosikal Sivaraju setiap hari ialah RM 3.00. Kos untuk makan pula ialah RM 5.00. Ayah Sivaraju memberinya RM 10.00. Sivaraju akan simpan baki wang ke dalam tabung. Pada hujung bulan, Sivaraju akan simpan di bank kerana lebih selamat.

1. Berapakah umur Sivaraju sekarang? **(2 markah)**
2. Berapa lamakah Sivaraju berada di Universiti Malaya setiap hari? **(2 markah)**
3. Berapakah baki wang yang Sivaraju ada? **(2 markah)**
4. Apakah **DUA (2)** cara yang dilakukan oleh Sivaraju dengan wang bakinya? **(4 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini :**

- i. jumpa
- ii. pinjam
- iii. bayar
- iv. beli
- v. basuh

**(10 markah)**

**(b) Terjemahkan petikan berikut ke bahasa Inggeris.**

Hai, gembira berjumpa kamu. Nama saya Arini. Saya baru pindah ke Kuala Lumpur. Saya berasal dari Melaka. Saya tinggal bersama dengan mak cik saya di sini. Mak cik saya bernama Rokiah. Dia seorang surirumah. Mak cik saya sangat cantik dan pandai memasak. Mak cik saya sudah berkahwin dan ada lima orang anak. Mereka sudah bekerja.

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Ceritakan diri anda dan keluarga anda.

**ATAU**

2. Tuliskan aktiviti yang anda lakukan pada waktu lapang.

**(20 markah)**

**TAMAT**